



## e-dompot, kampus tanpa tunai

Tingkat penggunaan transaksi digital dalam kampus

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan konsep kampus tanpa tunai yang mula dilaksanakan di kebanyakan universiti awam (UA) di negara ini sejak beberapa tahun lalu dilihat menyokong usaha kerajaan mewujudkan kampus pintar pada masa akan datang.

Langkah proaktif yang dibuat UA itu juga sejajar dengan inisiatif kerajaan untuk mendidik masyarakat supaya lebih banyak menggunakan e-dompot dalam usaha menggalakkan perkembangan ekonomi digital di negara ini.

Program e-Tunai Rakyat yang membolehkan rakyat Malaysia berkelayakan menuntut RM30 melalui tiga pengendali e-dompot iaitu *Grab*, *Boost* dan *Touch N Go* yang dilancarkan kerajaan baru-baru ini juga dilihat mampu meningkatkan penggunaan transaksi digital

dalam kalangan masyarakat.

Inisiatif yang diumumkan kerajaan pada pembentangan Belanjawan 2020, Oktober tahun lalu itu menyediakan peruntukan RM450 juta bagi menggalakkan budaya digital dan peralihan masyarakat tanpa tunai.

Pelajar Sarjana Sains Perniagaan Tani, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Amirul Ahmad, berkata beliau mula menggunakan e-dompot sejak tahun lalu kerana ia lebih mudah dan cepat.

"Konsep e-dompot ini menjimatkan masa kerana saya tidak perlu beratur di mesin ATM untuk mengeluarkan duit terutama di pusat beli-belah yang biasanya ramai orang.

"Meskipun begitu, penggunaan e-dompot ini belum dilaksanakan di kampus UPM, sekali gus menyebabkan saya banyak menggunakan transaksi digital itu untuk perbelanjaan di luar kampus terutama bagi membeli makanan dan minuman," katanya.

# Tidak perlu keluar duit dari mesin ATM

Dari muka 1

Amirul berkata, pelajar yang sudah membuat tuntutan rebat e-Tunai Rakyat sebanyak RM30 itu diharap dapat membelanjakan wang berkenaan sebaik mungkin untuk manfaat pendidikan.

“Selain itu, saya juga berharap pihak universiti perluaskan penggunaan e-dompot di dalam kampus terutama membabitkan premis makanan dan minuman, kedai buku dan alat tulis serta kedai percetakan bagi memudahkan pelajar mencetak tugas pengajian.

“Memandangkan transaksi digital ini memerlukan internet, saya juga berharap pengendali telekomunikasi di negara ini, dapat meningkatkan capaian internet masing-masing supaya transaksi itu berjalan lancar,” katanya.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Siti Khairunnisa Amat Jalani, berkata premis yang mengambil bahagian dalam penggunaan e-dompot sangat membantu pelaj-



Muhammad Amirul Ahmad

jar dalam urusan jual beli.

“Konsep berkenaan membolehkan transaksi jual beli itu dibuat dengan lebih pantas kerana pelajar yang tidak mempunyai tunai, tidak lagi perlu mengeluarkan duit dari mesin ATM yang kadang kala terletak jauh dari kawasan kolej kediaman atau kampus.

“Penggunaan e-dompot dan konsep kampus tanpa tunai ini lebih mudah digunakan oleh pelajar kerana kebanyakan mereka mempunyai telefon pintar apatah lagi pengendali e-dompot juga ada menyediakan diskaun



Siti Khairunnisa Amat Jalani

atau rebat yang akan memberikan keuntungan kepada pengguna itu sendiri,” katanya.

Mengulas mengenai pemberian rebat e-Tunai Rakyat sebanyak RM30 kepada rakyat, Siti Khairunnisa berkata ia satu inisiatif yang baik daripada kerajaan tetapi mahu pendekatan itu dilihat secara lebih holistik terutama membabitkan masyarakat di kawasan kampung dan pedalaman yang tidak mempunyai akses untuk menuntut duit berkenaan.

“Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu mengambil kira



Yillson Yanggun

golongan yang sudah berusia dan kurang pengetahuan mengenai transaksi digital ini yang mana hak mereka untuk mendapatkan RM30 mungkin tidak dapat disempurnakan.

“Apapun, inisiatif ini adalah permulaan yang baik untuk mendidik dan menggalakkan lebih ramai rakyat menggunakan e-dompot serta menarik lebih banyak pembabitkan daripada premis perniagaan untuk turut sama menggunakan konsep ini pada masa akan datang,” katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda

## INFO

### E-TUNAI RAKYAT

#### Syarat - syarat Kelayakan

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun ke atas pada tahun 2020
- Berpendapatan tahunan kurang daripada RM100,000 setahun

Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Yillson Yanggun pula berpendapat tidak semua rakyat mempunyai akses terhadap sistem komunikasi yang baik.

“Tidak semua premis perniagaan mengambil bahagian dalam transaksi digital ini sekali gus menyebabkan golongan B40 yang berada di luar bandar tidak mendapat hak yang sama rata dalam pemberian rebat ini.

“Oleh itu, secara peribadi, saya berpendapat lebih baik kerajaan terus masukkan rebat berkenaan dalam akaun penerima untuk kegunaan mereka di kemudian hari,” katanya.